

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHON KON YEOW
(TANJUNG)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHON KON YEOW [TANJUNG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai kos projek-projek Mass Rapid Transit (MRT) 1 dan 2, Light Rail Transit (LRT) 1 dan 2, Pan Borneo Highway, East Coast Rail Link dan Lebuhraya Pantai Barat. Perincikan juga tempoh pelaksanaan projek-projek berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek *Klang Valley Mass Rapid Transit* (KVMRT) merupakan satu projek rangkaian rel bandar di Lembah Klang yang merangkumi tiga jajaran; MRT1, MRT2 dan MRT3 (Laluan Lingkaran). Projek MRT1 ataupun dikenali dengan nama MRT Laluan Kajang telah dimulakan pada 8 Julai 2011 dan telah siap serta memulakan operasinya pada Julai 2017. Kos pembinaan projek MRT1 ini adalah sebanyak RM 21 bilion, dan laluan ini menghubungkan Sungai Buloh – Kajang dengan jajaran sepanjang 51 km dan mempunyai 31 buah stesen.

Projek MRT2 ataupun MRT Laluan Putrajaya yang menghubungkan Sungai Buloh – Serdang - Putrajaya pula adalah sejauh 52.2 km dan terdiri daripada 33 buah stesen. Projek ini telah dimulakan pada Oktober 2015 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Januari 2023. Kos pembinaan projek MRT2 ini adalah sebanyak RM30.53 bilion. Sehingga September 2021, projek MRT2 telah mencatatkan kemajuan keseluruhan sebanyak 94.5%.

Projek LRT3 ataupun LRT Laluan Shah Alam adalah merupakan laluan ketiga dalam sistem LRT Lembah Klang. Laluan ini akan menghubungkan Bandar Utama di Damansara ke Johan Setia di Klang. LRT Laluan Shah Alam ini adalah sejauh 37.8 km dan terdiri daripada 20 buah stesen. Projek ini bermula pada November 2015 dan dijangka akan siap sepenuhnya menjelang Februari 2024.

Kos pembangunan projek LRT Laluan Shah Alam ini adalah sebanyak RM16.63 bilion. Sehingga 30 September 2021, projek LRT3 telah mencatatkan kemajuan keseluruhan sebanyak 61.27%, dan kini tertumpu kepada kerja-kerja pembinaan struktur sokongan landasan, terowong, bangunan stesen, depoh keretapi, serta landasan rel untuk menerima kenderaan transit aliran ringan (LRT) pertama pada bulan November 2021.

SOALAN NO : 18

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665 km adalah merupakan projek rel yang akan menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Kos terkini ECRL adalah RM50.27 bilion berbanding dengan kos asal pada tahun 2017 yang berjumlah RM66.78 billion (termasuk Serendah Bypass). Pembinaan projek ECRL ini dibahagikan kepada tiga (3) seksyen iaitu Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun, Seksyen B dari Dungun ke Temerloh dan Seksyen C dari Temerloh ke Pelabuhan Klang. Sehingga 31 Oktober 2021, pembinaan keseluruhan projek ini telah mencapai kemajuan sebanyak 25.09% berbanding jadual sebanyak 27.55%.

Bagi Seksyen A iaitu dari Kota Bharu ke Dungun, skim keretapi telah diluluskan pada 14 Mei 2020 merangkumi pembinaan enam buah stesen iaitu Kota Bharu, Pasir Putih, Jerteh, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu dan Dungun. Kelulusan ini adalah bertepatan dengan program kerja penyediaan tapak yang telah dilaksanakan bermula pertengahan tahun 2020. Sehingga bulan September 2021, kemajuan kerja fizikal telah mencapai 12.79%.

Kerja-kerja fizikal juga sedang giat dilaksanakan di Seksyen B, iaitu jajaran dari Dungun ke Temerloh. Sejak disambung semula pada Julai 2019, kemajuan kerja fizikal di seksyen ini telah mencapai 31.47% merangkumi kerja-kerja tanah dan pembinaan terowong di Dungun, Paka dan Kuantan. Kerja-kerja bagi pembinaan terowong di Gambang, Sri Jaya, Gedung Siam dan Paya Pasir juga sedang dijalankan dengan aktif.

Bagi Seksyen C iaitu dari Temerloh ke Pelabuhan Klang, Kerajaan telah memutuskan jajaran terbaik bagi memastikan projek ECRL memberi impak ekonomi yang maksima apabila disiapkan kelak. Jajaran yang terbaik dan memberi impak maksima kepada rakyat adalah seperti yang diumumkan pada 5 April 2021. Oleh yang demikian, kerja-kerja bagi Seksyen C ini telah dibahagikan kepada Seksyen C1 dari Temerloh ke ITT Gombak dan Seksyen C2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang melalui Serendah. Dalam hal ini, adalah penting projek ECRL dipastikan tersambung secara strategik dengan jaringan logistik rel kebangsaan. Kelebihan logistik ini akan dicapai tanpa mengurangkan kualiti perkhidmatan penumpang, sekaligus menjadikan ECRL sebagai

SOALAN NO : 18

pemangkin ekonomi dan pekerjaan bagi kawasan di sepanjang jajarannya.

Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan menjangkakan tarikh penyiapan bagi Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun dan Seksyen B dari Dungun ke Temerloh masih kekal seperti yang dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026. Walau bagaimanapun, penyiapan bagi Seksyen C dari Temerloh ke Pelabuhan Klang dijangkakan akan mengalami kelewatan selama 12 bulan iaitu pada 31 Disember 2027.

Seperti yang kita semua sedia maklum, penularan wabak Covid-19 yang melanda dunia pada ketika ini telah memberi kesan kepada semua sektor dan industri termasuklah sektor pembinaan infra atau projek-projek rel ini, dan sedikit-sebanyak telah menjejaskan kemajuan projek tersebut. Namun begitu, Kementerian Pengangkutan akan terus memantau pelaksanaan projek-projek rel ini bagi memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan mengikut perancangan dan mematuhi piawaian-piawaian yang telah ditetapkan serta selamat digunakan.

Bagi projek Lebuh raya Pan Borneo (LPB) dan Lebuh raya Pantai Barat adalah di bawah perhatian Kementerian Kerja Raya (KKR). Lebuh raya Pan Borneo (LPB) telah mula dibina pada 7 Oktober 2012 dan dijangka siap sepenuhnya pada 10 Oktober 2024 bagi keseluruhan Fasa 1 LPB Sabah dan Sarawak. Kos keseluruhan pembinaan Lebuh raya Pan Borneo adalah mencecah RM 23.46 bilion. Bagi Lebuh raya Pantai Barat, jangkaan projek lebuh raya ini siap sepenuhnya adalah pada Jun 2024 dengan kos pembinaan keseluruhan mencecah RM 5.044 billion.